



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**25 JANUARI 2021**

1. Haiwan ancam nyawa pengguna LPT2
2. "Trauma guna LPT2"

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

25.01.2021

KOSMO

MUKA DEPAN

1

# Haiwan ancam nyawa pengguna LPT2



HAIWAN ternakan yang berkeliaran di kawasan LPT2 mengancam keselamatan pemandu lebuhraya. — GAMBAR HASAN

NYAWA pengguna Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) terus terancam dengan kehadiran haiwan ternakan dan binatang liar yang berkeliaran serta melintas lebuhraya itu angkara tindakan 'penceroboh' yang merosakkan dan memotong pagar di sebahagian laluan tersebut.

Berdasarkan rekod Lembaga Lebuhraya Malaysia, sebanyak 102 kes kemalangan dilaporkan berlaku di LPT2 pada tahun 2019 berbanding hanya 47 kes pada tahun sebelumnya.

Pihak pengurusan syarikat konsesi LPT2 mendedahkan, sejumlah RM5 juta telah

dibelanjakan bagi memasang semula pagar baharu di lebuhraya itu sejak tahun 2018 sehingga kini selain kos baik pulih kererosakan pagar kira-kira RM150,000, namun sehingga kini masalah tersebut masih berlaku.

» BERITA PENUH DI MUKA 3

Kemalangan kerap berlaku, haiwan ceroboh lebuh raya

## 'Trauma guna LPT2'

Oleh MOHD. AZLI ADLAN dan  
NIK NUR IZZATUL HAZWANI  
NIK ADNAN

**KUALA TERENGGANU** — Kes kemalangan yang berpunca daripada haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau serta binatang liar melintas di Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) bukanlah isu baharu.

Masalah itu sudah berlarutan sejak lebuh raya sepanjang 184 kilometer itu dibuka pada tahun 2015 ekoran sikap segelintir penternak haiwan dan individu tertentu yang sengaja merosakkan pagar yang dibina di laluan berkenaan.

Ramai pengguna menjadi mangsa termasuk Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Kenderaan rasmi Ahli Parlimen Hulu Terengganu itu telah terlanggar seekor lembu berhampiran susur keluar Plaza Tol Bukit Besi, Dungun ketika melalui LPT2 pukul 1 pagi, 9 April tahun lalu.

Kes terbaru pada Jumaat lalu, apabila dua buah kereta remuk selepas merempuh sembilan ekor lembu yang melintas LPT2 di Kilometer 291.1 berhampiran Kijal, Kemanan pukul 8.30 malam.

Insiden itu mengakibatkan kesemua haiwan itu mati bergelempangan, namun kedua-dua pemandu kereta tidak cedera.

Seorang pengguna, Yusof Mohd. Ali, 41, berkata, dia hamper trauma untuk menggunakan LPT2 setelah dua kali terlibat dalam kemalangan di lebuh raya tersebut.

**KEADAAN** sebuah kereta selepas merempuh haiwan di LPT2 berhampiran Ajil, Hulu Terengganu pada 25 Disember 2019.



KERATAN Kosmo! semalam.

### Statistik kemalangan libatkan ternakan dan binatang liar

- 2015 : 99 kes
- 2016 : 133 kes
- 2017 : 36 kes
- 2018 : 47 kes
- 2019 : 102 kes

Menurutnya, kedua-dua kejadian tersebut berlaku berhampiran Plaza Tol Telemon, Hulu Terengganu pada tahun 2019 dan tahun lalu.

"Dalam kejadian pertama, kereta Honda Civic yang dipandu saya hampir melanggar seekor kerbau pada tahun 2019, namun bernasib baik apabila sempat mengelak.

"Begitupun, saya tidak bernasib baik apabila kereta Honda City yang dipandu saya pula dirempuh seekor lembu berhampiran lokasi sama pada awal tahun lalu," katanya kepada Kosmo! semalam.

Yusof yang juga kakitangan swasta berkata, kemalangan kedua tersebut menyebabkan bahagian hadapan keretanya re-

### Kes Kemalangan di LPT2

- 27 Disember 2020  
Tiga beranak nyaris maut apabila sebuah kereta Honda Jazz yang mereka naiki merempuh seekor kerbau yang melintas di susur keluar Kuala Telemon, Plaza Tol Telemon di LPT2, Hulu Terengganu
- 21 November 2018  
Seekor harimau kumbang betina mati selepas dilanggar sebuah kereta dalam kejadian pukul 7 malam di Kilometer 356, LPT2 berhampiran Ajil, Hulu Terengganu
- 3 November 2017  
Seekor tapir seberat 100 kilogram mati dirempuh sebuah kereta Perodua Axia di Kilometer 281, LPT2 dekat Plaza Tol Chukai, Kemaman
- 6 Februari 2016  
Seekor harimau belang dewasa mati dirempuh sebuah kenderaan pelbagai guna di Kilometer 321.2, LPT2 di Kemaman

muk dan kos membaiki menelan belanja hampir RM10,000.

"Pengalaman ini membuat saya seboleh-bolehnya mahu mengelak daripada melalui LPT2 kecuali terpaksa.

"Saya lebih senang menggunakan jalan pantai iaitu Jalan Kuala Terengganu-Kuantan jika mempunyai urusan," katanya yang menetap di Bukit Depu di sini.

Berdasarkan laporan Lemba Lebuhraya Malaysia (LLM), sebanyak 102 kes kemalangan melibatkan binatang termasuk haiwan ternakan dilaporkan berlaku di LPT2 dengan 60 peratus daripadanya melibatkan kerosaan dan kecederaan.



